

MAJLIS PERASMIAN KRIS SAFETY FOOTWEAR SDN. BHD.
PANDAMARAN, KELANG, SELANGOR, 12 NOVEMBER 1992

Saya berasa sukacita kerana dijemput bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Presiden Chile untuk merasmikan pembukaan kilang Kris Safety Footwear Sdn. Bhd. ini.

2. Saya amat gembira perjanjian usahasama untuk kilang kasut keselamatan yang ditandatangani di Santiago tahun lepas di antara rakan-rakan Malaysia dan Chile telah menjadi kenyataan. Pelaksanaan projek ini yang begitu cepat haruslah dipuji.

3. Hari ini, kita menyaksikan hasil daripada seruan Kerajaan untuk mengukuhkan perhubungan Selatan-Selatan dan ini merupakan pelaburan Chile yang pertama bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ASEAN.

4. Walaupun ianya bukanlah satu projek yang besar daripada segi nilai pelaburan, ia tetap satu projek yang penting dan penuh bermakna. Kadangkala adalah lebih baik untuk memulakan sesuatu itu secara kecilan, dan Kris Safety Footwear adalah satu contoh bagaimana kerjasama perniagaan antarabangsa tidak semestinya terhad kepada syarikat- syarikat yang besar.

5. Saya difahamkan Kris Safety Footwear akan mengeluarkan kasut-kasut keselamatan kulit yang berkualiti tinggi. Keluaran kilang ini bagi seluruh tahun depan telah ditempah untuk eksport pada mula-mulanya ke Eropah dan Amerika Utara sementara pasaran-pasaran masa depan akan bertumpu di rantau Asia Pasifik. Langkah ini adalah bijak kerana negara-negara membangun sedang menuju ke arah perindustrian dan sudah tentu keperluan terhadap kasut-kasut keselamatan akan menjadi lebih besar.

6. Kepada masyarakat perniagaan Chile yang diwakili begitu ramai pada hari ini, saya sukacita sekali lagi menjemput semua supaya mengambil bahagian yang positif dalam perniagaan secara usahasama selaras dengan dasar pembangunan negara Malaysia.

7. Kepada usahawan-usahawan Malaysia, saya berharap mereka tidak akan melepaskan peluang keemasan ini untuk berhubungan dengan rakan-rakan mereka dari Chile dan meletakkan asas yang kukuh bagi memajukan Malaysia demi untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

8. Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada usahasama Malaysia-Chile yang pertama ini.